

# Hayati amanat Dr M

BH 3 JUL 2002  
Oleh Wan Hazmir  
Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, meminta kakitangan kementeriannya supaya menghayati amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Pekerja lalu supaya pegawai kerajaan memperlempangkan diri dengan ilmu bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Hishammuddin berkata, seperti kata Perdana Menteri, hanya pekerja yang berilmu bakal mempunyai keupayaan diri bagi melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berupaya mengharungi pelbagai cabaran yang bakal dibawa proses globalisasi itu.

“Pekerja yang berilmu tidak akan beremosi atau mementingkan golongan tertentu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Sebaliknya mereka akan bersikap rasional dan melaksanakan tanggungjawab untuk rakyat dan negara,” katanya berucap pada majlis penyampaian anugerah khidmat cemer-

lang Kementerian Belia dan Sukan di sini, malam ini.

Seramai 176 pegawai dan kakitangan kementerian termasuk lapan pesara dan lima bakal pesara menerima anugerah khidmat cemerlang masing-masing. Hadir sama ialah Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mahamad Zabri Min.

Hishammuddin mahu warga kementeriannya menghayati anugerah khidmat cemerlang serta terus mengekalkan kecermerlangan yang dicapai selama ini.

Katanya, walaupun hanya sebilangan daripada mereka yang terpilih menerima anugerah, kecemerlangan yang dicapai kementerian seperti kejayaan Malaysia merangkul kejayaan temasya Sukan SEA Ke-21 lalu adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak.

“Dalam menerima anugerah ini, kita harus melihat pengorbanan yang dilakukannya setiap seorang daripada kita. Kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha semua, bukan usaha mana-mana individu,” katanya.